

## **SYARAT-SYARAT MENGENAL ALLAH**

1. **Iktikad yang putus**, iaitu kepercayaan di dalam hati yang tidak berbelah-bagi di atas sifat-sifat Allah. Untuk mendapat Iktikad yang putus hendaklah memahami satu persatu sifat-sifat Allah dengan jelas dan sempurna.
2. **Muafakat dengan sebenar**, iaitu dengan mengikut perjalanan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Kepercayaan yang benar adalah kepercayaan para Nabi, kepercayaan para sahabat, kepercayaan yang mempunyai bukti kebenaran.
3. **Dengan dalil-dalil**, iaitu tanda yang menunjukkan di atas benarnya sesuatu akidah (kepercayaan) walaupun secara ringkas. Adapun secara perincian untuk menolak hujah atau menerangkan bukti-bukti yang jelas adalah fardu kifayah.

### **MENGENAL ALLAH**

Wajib atas tiap-tiap mukallaf mengitikadkan di dalam hatinya bahawa sesungguhnya wajib bagi Allah mempunyai sifat-sifat kesempurnaan tidak terhingga banyaknya yang layak bagiNya, mustahil atasNya mempunyai sifat-sifat kekurangan juga tidak terhingga bilangannya.

# **SIFAT-SIFAT YANG WAJIB BAGI ALLAH**

## **1. WUJUD**

Ertinya Ada Allah Ta'ala.

- a) Adanya Allah tidak dikeranakan oleh sesuatu. Bukan kerana adanya kita atau alam maka adanya Allah.
- b) Adanya Allah tidak disebabkan oleh sesuatu.
- c) Allah ada tidak mengambil masa seperti mula-mula muda kemudian tua atau sebagainya.
- d) Adanya Allah tidak dihubungi oleh sesuatu.

## **2. QIDAM**

Ertinya Sedia Allah Ta'ala.

Maksudnya: Sedia Allah Ta'ala ada tiada permulaan. Adanya Allah tidak didahului oleh tiada.

## **3. BAQA'**

Ertinya Kekal Allah Ta'ala.

Maksudnya: Allah Ta'ala itu ada tiada berkesudahan, tiada binasa dan tiada berubah-ubah.

## **4. MUKHALAFATUHU TA'ALA LIL HAWADITS**

Ertinya bersalah-salahan Allah Ta'ala dengan segala yang baharu.

Maksudnya: Tidak menyerupai dengan segala yang ada di dalam alam ini samada yang ada itu telah tiada atau belum ada. Tiada sama pada zat sifat atau perbuatan.

- i) Bersalah Allah dengan segala yang baharu pada zat bermaksud Zat Allah Ta'ala bukannya Jirim seperti batu,

kayu dan sebagalnya dan bukan ARADH. Seperti cahaya atau apa sahaja yang dapat dilihat oleh mata.

- ii) Bersalah Allah Ta'ala dengan segala yang baharu pada sifat bermakna Sifat Allah Ta'ala berlainan daripada sifat yang baharu; mendengar Tuhan tiada dengan bertelinga.
- iii) Bersalah Allah Ta'ala daripada segala yang baharu pada perbuatan bermakna perbuatan Allah Ta'ala berlainan dengan segala perbuatan yang baharu. Allah berkehendak memperbuat sesuatu, maka jadilah Dia dengan tiada perantaraan alat perkakas atau masa.

## **5. QIYAMUHU TA'ALA BINAFSIHI**

Ertinya Berdiri Allah Ta'ala dengan sendirinya.

Maksudnya: Terkaya Zat Allah Ta'ala itu daripada berkehendak kepada tempat berdiri dan kepada yang menjadikan Dia kerana Allah Ta'ala itu zat (bukan sifat) dan Dialah yang menjadikan tiap-tiap sesuatu. Ringkasnya berdiri Allah Ta'ala dengan sendiriNya itu bermaksud:

- i) Tidak berhajat kepada sesuatu.
- ii) Tidak ada yang boleh menyaingi kekuasaan Allah.
- iii) Tidak mengambil faedah pada segala suruhanNya dan juga tegahanNya.

## **6. WAHDANIYYAH**

Ertinya SA atau Tunggal Allah Ta'ala.

Maksudnya: SA Zat Allah tidak dari sesuatu dan tidak berbilang-bilang. SA sifat Allah iaitu sifat Tuhan itu tiada